



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN PEMBIAYAAN PELABURAN TPPK

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini adalah dinamakan Aturan Pembiayaan Pelaburan TPPK untuk tujuan pelaburan di dalam Tabung Pembangunan dan Pelaburan KoBPM (TPPK).
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(a)(i), 50(2)(h)(vi) dan 50(2)(v) KoBPM ini dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) KoBPM ini dan Ketua Pendaftar.

2.0 TAFSIRAN

Di dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai:-

- 2.1 'Anggota' maknanya Anggota-Anggota yang telah sah diterima masuk menjadi Anggota mengikut Undang-undang Kecil KoBPM ini.
- 2.2 'Bai'Bithaman Ajil' maknanya sebuah skim pembiayaan pengguna yang disediakan kepada Anggota KoBPM bagi memenuhi sesuatu keperluan kepada Anggota.
- 2.3 'KoBPM' maknanya KoBPM Bank Pertanian Malaysia Bhd.
- 2.4 'ALK' maknanya Anggota Lembaga KoBPM yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil KoBPM ini.
- 2.5 'TPPK' adalah Tabung Pembangunan dan Pelaburan KoBPM yang telah diwujudkan oleh KoBPM pada tahun 2015 bagi mengumpul dana daripada Anggota dan KoBPM bagi menyertai pelbagai bidang aktiviti yang melibatkan pelaburan dan perniagaan yang akan memberikan hasil pendapatan kepada KoBPM termasuk perniagaan Kedai Ar-Rahnu yang telah dilancarkan pada tahun 2015 menggunakan dana ini. Saiz dana TPPK yang telah diluluskan ini adalah sebanyak RM10.0 juta dan para Anggota boleh menyertai tabung ini dengan sumbangan dana minima sebanyak RM2,000.00/Anggota.


- 2.6 'JPA' adalah Jawatankuasa Pembiayaan Anggota.
- 2.7 'MAT' adalah Mesyuarat Agung Tahunan.
- 2.8 'DSR' adalah Debt Service Ratio iaitu kemampuan menanggung semua obligasi hutang selepas ditolak perbelanjaan statutory seperti cukai pendapatan, KWSP, SOKSO dll.
- 2.9 'Unit Pembiayaan KoBPM' adalah sebuah unit di KoBPM yang mengendalikan permohonan pembiayaan anggota KoBPM.
- 2.10 'Unit Pembangunan dan Perniagaan' adalah sebuah Unit yang ditubuhkan di bawah Bahagian Pembangunan dan Perniagaan untuk menguruskan urusan perniagaan KoBPM kecuali pembiayaan anggota dan urusan keanggotaan KoBPM.
- 2.11 'Jawatan Kuasa TPPK' adalah sebuah Jawatan Kuasa yang ditubuhkan khas oleh ALK bagi mengendalikan urusan niaga dan pelaburan didalam aktiviti Pembangunan dan Pelaburan KoBPM termasuk aktiviti perniagaan Ar-Rahnu.

3.0 KONSEP

Mod Pembiayaan Pelaburan TPPK di bawah prinsip Bai' Bithaman Ajil adalah seperti berikut :-

- 3.1 Anggota mengenal pasti aset/khidmat yang hendak dimiliki dan kemudiannya melakukan permohonan kepada KoBPM untuk pembiayaan aset tersebut.
- 3.2 KoBPM kemudiannya akan menentukan kelayakan Anggota berkenaan mengenai hubungannya dengan tempoh dan corak pembayaran balik.
- 3.3 KoBPM akan membeli aset/perkhidmatan berkenaan sejeurus selepas kelulusan permohonan pembiayaan di perolehi.
- 3.4 KoBPM seterusnya menjual aset/perkhidmatan tersebut kepada Anggota berkenaan pada harga yang dipersetujui dan merangkumi perkara-perkara berikut :-
 - 3.4.1 Kos sebenar aset/perkhidmatan kepada KoBPM.
 - 3.4.2 Margin keuntungan KoBPM dan membenarkan pelanggan menyelesaikan pembiayaan secara ansuran dalam tempoh dan corak yang dipersetujui.

3.5 Rujuk rajah di bawah bagi mod operasi Pembiayaan Pelaburan TPPK



4.0 TUJUAN

Tujuan Pembiayaan Pelaburan TPPK ini diwujudkan ialah untuk:-

- 4.1 Memberi peluang kepada Anggota yang tidak mampu untuk menyertai skim TPPK melalui pembiayaan khas ini.
- 4.2 Memberi peluang kepada Anggota yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan melalui skim pembiayaan peribadi atau pengguna untuk menyertai TPPK melalui skim khas ini.
- 4.3 Menyediakan satu lagi cabang produk pembiayaan pengguna kepada Anggota bagi meningkatkan nilai portfolio pembiayaan kepada KoBPM.
- 4.4 Memenuhi kuota syer pelaburan TPPK yang mana penyertaan Anggota yang diluluskan adalah sebanyak RM6.0 juta atau 60% dan syer KoBPM RM4.0 juta atau 40%.
- 4.5 Menambah dan meningkatkan peluang pendapatan tambahan kepada Anggota dan KoBPM melalui pembiayaan ini.
- 4.6 Meningkatkan aktiviti pelaburan dan perniagaan KoBPM apabila dana TPPK telah dapat ditingkatkan memenuhi kuota yang dicadangkan iaitu RM10.0 juta.

5.0 PUNCA KEWANGAN

Kewangan bagi Pembiayaan Pelaburan TPPK ini boleh dan adalah diperolehi dari:

5.1 Kumpulan Wang dan Wang KoBPM termasuk:-

- a. Fi masuk, yuran dan syer Anggota.
- b. Simpanan Khas dari Anggota.
- c. Deposit daripada Anggota.
- d. Pembiayaan daripada Anggota dan bukan Anggota.
- e. Kumpulan Wang Rizab Statutori.
- f. Akaun Rizab Modal.
- g. Kumpulan Wang Penebusan Syer.
- h. Derma dan pemberian tertentu.
- i. Baki Keuntungan Terkumpul.
- j. Pelbagai Kumpulan wang untuk kebajikan Anggota dan masyarakat tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

5.2 Lain-lain sumber daripada luar melalui pembiayaan atau suntikan modal daripada Institusi Kewangan, Bank, Kerajaan atau Agensi dan koperasi luar.

6.0 PENTADBIRAN KEMUDAHAN

6.1 Pembiayaan Pelaburan TPPK ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pembiayaan Anggota (JPA) yang dilantik oleh ALK di bawah Undang-Undang Kecil 50(2)(u).

6.2 Hal Ehwal urus tadbir dan kuasa yang diperuntukan oleh ALK sepertimana termaktub di dalam Terma dan Syarat JPA adalah terpakai.

7.0 KELAYAKAN MEMOHON

7.1 Anggota KoBPM ini yang telah menjadi Anggota selama enam (6) bulan dengan tidak putus-putus, adalah layak untuk memohon Pembiayaan Pelaburan TPPK ini.

7.2 Nilai Pembiayaan adalah tidak melebihi RM30,000.00.

- 7.3 Kadar Keuntungan adalah 5.00% setahun.
- 7.4 Tempoh Pembiayaan adalah tidak melebihi 10 tahun.
- 7.5 Syarat Jaminan : Dikecualikan (Tiada).
- 7.6 Syarat Cagaran: Saham TPPK adalah dijadikan sebagai cagaran.
- 7.7 Perlindungan Takaful Kredit : Dikecualikan (Tiada).
- 7.8 Bayaran balik pembiayaan adalah sama seperti kaedah dan syarat syarat pembiayaan Bai' Bithaman Ajil sedia ada.
- 7.9 Lain-Lain syarat :
1. DSR – maksima 55%
2. Tertakluk kepada terma dan syarat - syarat Pembiayaan Bai' Bithaman Ajil dan TPPK.
3. Anggota yang mendapat pembiayaan ini dikehendaki menandatangani surat penyerahan hak milik bagi tujuan penjualan balik saham yang di beli sekiranya gagal membuat bayaran atas sebarang sebab yang tidak dapat dielakkan.

8.0 PERMOHONAN

- 8.1 Semua permohonan untuk mendapatkan pembiayaan ini hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh KoBPM.
- 8.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan bukti/kenyataan yang sah yang boleh menyokong permohonannya itu.

9.0 MEMPROSES PERMOHONAN

- 9.1 Borang permohonan apabila diterima hendaklah diproses oleh JPA.
- 9.2 JPA hendaklah menentukan bahawa semua permohonan dibuat mengikut aturan sebelum permohonan diluluskan.

10.0 PEMBAYARAN

- 10.1 Semua pengeluaran pembiayaan hendaklah dibuat melalui sistem terus ke akaun TPPK Anggota selepas menerima kelulusan daripada JPA.
- 10.2 Senarai pengeluaran dan kelulusan yang telah dilaksanakan oleh Unit Pembiayaan akan dikemukakan kepada Unit Pembangunan dan Perniagaan untuk pendaftaran dan pengeluaran sijil TPPK.
- 10.3 Sijil TPPK, rekod pelaburan Anggota dan laporan akan dikeluarkan oleh Unit Pembangunan dan Perniagaan dan akan di bawa kepada Jawatankuasa TPPK untuk tujuan pengesahan dan kelulusan.
- 10.4 Selepas proses ini dilaksanakan Unit Pembangunan dan Perniagaan perlu kemukakan notis memaklumkan tentang kelulusan dan pengesahan penerimaan bayaran bagi tujuan rekod dan tuntutan bayaran balik kepada Anggota melalui Unit Pembiayaan KoBPM.
- 10.5 Sijil Asal TPPK akan disimpan oleh Unit Pembiayaan sebagai cagaran kepada pembiayaan yang diluluskan dan hendaklah dicopkan tuntutan hakmilik oleh KoBPM.
- 10.6 Unit Pembiayaan hendaklah mengemukakan kepada Anggota:-
 - a. Salinan Perjanjian Jual/Beli
 - b. Salinan Sijil TPPK Anggota
 - c. Salinan Jadual Bayaran Balik Pembiayaan Pelaburan TPPK.
- 10.7 Selepas selesai bayaran balik sepenuhnya urusan pelepasan dan pembatalan hakmilik dengan sijil asalnya hendaklah di kemukakan kepada pemiliknya didalam tempoh 3 hari bekerja.

11.0 REKOD

Rekod dan borang permohonan serta keputusan JPA/ALK hendaklah dikemaskinikan dan disimpan oleh JPA.

12.0 AUDIT

Akaun Pembiayaan Pelaburan TPPK hendaklah diaudit sekali dengan akaun KoBPM setahun sekali.

13.0 PERAKAUNAN

Setiap bulan satu laporan lengkap berkaitan dengan perbelanjaan serta apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan Pembiayaan Pelaburan TPPK hendaklah disediakan oleh pihak Kewangan KoBPM dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat ALK.

14.0 HAK DAN KUASA

Hendaklah semata-mata dan sentiasa berada didalam kuasa Lembaga, tanpa memberi sebab-sebab untuk memutuskan sesuatu perkara mengenai aturan ini.

15.0 PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 87 (1).

Aturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi kali ke 23 pada 26 Oktober 2019.



Pengerusi




Anggota Lembaga




Anggota Lembaga

Handwritten scribbles and lines, possibly representing a signature or a set of initials.


CARTA ALIR- PEMBIAYAAN PELABURAN TPPK



CARTA ALIR- PEMBIAYAAN PELABURAN TPPK



CARTA ALIR- PEMBIAYAAN PELABURAN TPPK



Gaji Kasar (RM) :

(Nurzawani bte Abd Razab)

Penjamin 2

Nama Penjamin :

No. Kad Pengenalan :

No. Anggota :

Cawangan/Bahagian :

No Kakitangan :

Gaji Kasar (RM) :

		Penjamin Lain-Lain :	
		Yuran Terkumpul (RM) :	
		Saham Terkumpul (RM) :	
		Pengesahan yuran Dibuat Oleh:-	
		(Nurzawani bte Abd Razab)	

E. Maklumat Pemohon Selaku Penjamin Kepada

Penjamin Kepada :-

Penjamin Kepada :-

Semakan Dibuat Oleh:-

Nama

No Anggota

Ansuran Bulanan(RM)

Baki semasa(RM)

Mulai Feb 2018 setiap anggota hanya dibenarkan untuk menjamin maxima 2 orang peminjam sahaja sepertimana diluluskan dalam ALK 336/2018

F. Pengesahan Panggilan (Check List)

Pengesahan Slip Gaji (Peminjam)

Pengesahan Perseetujuan (Penjamin 1)

Pengesahan Perseetujuan (Penjamin 2)

Pengesahan Dibuat Oleh:-

Telefon/Emel

Pegawai Dihubungi

Tarikh

Masa

G. Senarai Semak Suratcara

1	Borang Permohonan Kemudahan Pembiayaan	/	1	Salinan
2	Surat Tawaran Pembiayaan	/	1	Salinan
3	Akaun Penerimaan/Penolakan Tawaran Pembiayaan	/	1	Salinan
4	PerjanjianJualan Aset (Asal)	/	1	Salinan
5	Perjanjian Belian Aset (Asal)	/	1	Salinan
6	Pengakuan Penjamin-Penjamin	/	1	Salinan
7	Surat Kebenaran Pemotongan Gaji/Yuran/Saham	/	1	Salinan
8	Surat Peisetujuan Penjamin	/	1	Salinan
9	Slip Gaji 3 Bulan (Telah Disemak dan Disahkan)	/	1	Salinan
10	Salinan Kad Pengenalan Peminjam (Telah Disemak dan Disahkan)	/	1	Salinan
11	Salinan Kad Pengenalan Penjamin (Telah Disemak dan Disahkan)	/	1	Salinan
12	AKAD JUAL BELI	/	1	Salinan
13	Pendapatan lain PENCEN	/	1	Salinan
14	Penyata Yuran & Saham	/	1	Salinan
15	Penyata Makluman Kredit	/	1	Salinan

H. Sokongan Bahagian Pentadbiran & Kewangan :

Jumlah Dipohon : _____
Jumlah Disokong: _____

Disediakan :-

Disemak :-

Saiful Ali bin Ahmad
Kerani Pembiayaan
Tarikh :

Hamidah Bt Mahmud
Penolong Eksekutif Pembiayaan
Tarikh :

Disahkan :-

Nur Sazwana Bt Mohamad
Eksekutif Kewangan & Pentadbiran
Tarikh :

I. KEPUTUSAN JAWATAN KUASA PEMBIAYAAN :

BAKI PEMBIAYAAN SEDIA ADA

Bai Al Inah

BBA

JUMLAH PEMBIAYAAN SEDIA ADA

Bai Al Inah

BBA

1/3 PEMBAYARAN DARI PEMBIAYAAN SEDIADA

Bai Al Inah

BBA

Tanda Tangan Kuasa Melulus/Ahli Lembaga Koperasi

Tandatangan : _____
(Setiausaha/Naib Setiausaha)

Tarikh : _____

Tandatangan : _____
(Bendahari)

Tarikh : _____

Tandatangan : _____
(Naib Pengerusi)

Tarikh : _____

Jumlah Diluluskan : RM _____

Ulasan / Lain-lain syarat :

DISAHKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBIAYAAN YANG BERSIDANG PADA BULAN _____

PERLAKSANAAN AQAD PEMBIAYAAN BAI AL-INAH

Akad Jualan Oleh Pihak KoBPM Kepada Pelanggan

1. Pihak KoBPM :

Saya _____
bagi pihak Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad dengan ini menjual
barangan seperti berikut :

Barangan :

Nilai Pelaburan:

milik Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad kepada:

dengan _____
Jumlah : RM

Dalam Perkataan :

dengan bayaran balik secara ansuran.

2. Pihak Anqqota

Saya _____
bersetuju membeli barangan tersebut dengan harga belian

Jumlah : RM

Dalam Perkataan :

dengan bayaran balik secara ansuran.

Tarikh :

Masa :



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KOBPM) BERHAD

BORANG PERMOHONAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

A. BUTIR-BUTIR PEMBIAYAAN PEMOHON

Jumlah Dipohon RM Tempoh Pembiayaan Tahun

Jenis Pembiayaan PERIBADI PENGGUNA

Tujuan _____

PERIHAL BARANGAN/PERKHIDMATAN ** YANG HENDAK DIBELI

(Bagi perkhidmatan - sebut harga hendaklah disertakan)

Jenis	Jenama / Hakmilik	No. Model / Lo Harga
..... RM.....
..... RM.....
..... RM.....

1) Jumlah Pembiayaan Diperlukan (Harga Kos) RM :

2) Tempoh Ansuran (Bulan) :

B. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Anggota	<input type="text"/>		
No. Anggota	<input type="text"/>		
No K/P Baru	<input type="text"/>	No. K/P Lama	<input type="text"/>
Umur	<input type="text"/> Tahun	Jantina	<input type="text"/> Lelaki <input type="text"/> Perempuan
Bangsa	<input type="text"/>	Taraf Perkahwinan	<input type="text"/>
Alamat Kediaman	<input type="text"/>		
Bandar	<input type="text"/>	Negeri	<input type="text"/>
No. Tel Pejabat	<input type="text"/>	No. Tel Bimbit	<input type="text"/>
Jenis Kediaman	<input type="text"/> Sendiri <input type="text"/>	<input type="text"/> Keluarga/majikan <input type="text"/>	<input type="text"/> Sewa <input type="text"/> Lain-lain <input type="text"/>
Nama Ibu	<input type="text"/>		

C. MAKLUMAT PEKERJAAN PEMOHON

Majikan	<input type="text"/>		
Alamat Majikan	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>		
Bandar	<input type="text"/>	Negeri	<input type="text"/>
			Poskod
Jawatan	<input type="text"/>	Gaji Bulanan	RM <input type="text"/>
Tempoh Berkhidmat	<input type="text"/>	Tahun	
No. Tel Pejabat	<input type="text"/>	No. Tel Bimbit	<input type="text"/>
			Emel

D. MAKLUMAT PENDAPATAN

Pendapatan Tahunan / Perniagaan	<input type="text"/>
Pendapatan lain	<input type="text"/>

(sila sertakan dokumen sokongan)

E. MAKLUMAT TANGGUNGAN KEWANGAN

Nama Bank / Koperasi dll	Jenis Pembiayaan	Bayaran Bulanan	Tempoh (tahun)
(i)			
(ii)			
(iii)			
(iv)			

(Sila lampirkan helaian tambahan jika tanggungan kewangan melebihi ruang di atas)

F. MAKLUMAT SUAMI / ISTERI PEMOHON (JIKA ADA)

Nama	<input type="text"/>		
No. K/P Baru	<input type="text"/>	No. K/P Lama	<input type="text"/>
Alamat Majikan	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>		
Bandar	<input type="text"/>	Negeri	<input type="text"/>
			Poskod
Jawatan	<input type="text"/>	Gaji Bulanan	RM <input type="text"/>
No. Tel Pejabat	<input type="text"/>	No. Tel Bimbit	<input type="text"/>
			Emel

G. MAKLUMAT SAUDARA TERDEKAT / PERUJUK YANG TIDAK TINGGAL DENGAN PEMOHON

Nama	<input type="text"/>		
Alamat Tetap	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>		
Bandar	<input type="text"/>	Negeri	<input type="text"/>
			Poskod
No. Tel Pejabat	<input type="text"/>	No. Tel Bimbit	<input type="text"/>
			Emel
Hubungan dengan pemohon	<input type="text"/>		

H. DEPOSIT / SIMPANAN SEDIA ADA PEMOHON

Nama Bank / Koperasi dll	Jenis Deposit / Simpanan	Jumlah (RM)

I. MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN

1. Pendapatan Bulanan (RM)

a. Gaji / pendapatan kasar pemohon : _____

b. Gaji / pendapatan kasar pasangan : _____

c. Lain-lain (nyatakan)

A JUMLAH (a+b+c) : _____

2. Perbelanjaan Bulanan

a. Saraan Keluarga : _____

b. Bayaran balik pinjaman

* Perumahan : _____

* Kenderaan : _____

c. Lain-lain (nyatakan)

B JUMLAH (a+b+c) : _____

LEBIHAN BERSIH (A-B) : _____

PEMBIAYAAN SEDIA ADADENGAN KOPERASI

JENIS	JUMLAH	BAKI
_____	_____	RM _____
_____	_____	RM _____
_____	_____	RM _____

PENJAMIN / CAGARAN

a. Penjamin

	Penjamin 1	Penjamin 2
Nama Anggota	_____	_____
No. Anggota	_____	_____
No. K. Pengenalan	_____	_____
Gaji Kasar	_____	_____
Bahagian / Cawangan	_____	_____

J. PENGESAHAN PEMOHON

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

- Maklumat yang diberikan di dalam permohonan pembiayaan ini dan dokumen lain adalah benar tanpa menyembunyikan maklumat yang mungkin mempengaruhi permohonan saya.
- Pihak koperasi berhak menolak permohonan saya padabila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab. Pihak koperasi juga berhak menarik balik segala pembiayaan yang diluluskan sekiranya maklumat-maklumat yang saya berikan didapati tidak benar.
- Saya mengaku bahawa saya tidak mempunyai kemudahan di institusi kewangan lain selain dari maklumat yang diberikan di atas.
- Saya bersetuju mematuhi semua syarat dan aturan bagi Skim Pembiayaan ini.
- Saya dengan ini bersetuju untuk membenarkan Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad menggunakan yuran /saham saya bagi menjelaskan baki keseluruhan pembiayaan saya, sekiranya saya berhenti / tidak berkhidmat di AgroBank.
- Bersama-sama ini disertakan:
 - Salinan slip gaji terkini saya yang disahkan
 - Salinan kad pengenalan saya yang telah disahkan (pertama Kali)
 - Borang BPA 1/79 yang lengkap diisi (Pertama Kali)

Tarikh : _____

Tandatangan Pemohon : _____



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

Ruj. Kami : Koop BPM

Tarikh :

.....
.....
.....

Tuan/Puan;

Per : Tawaran Kemudahan Pembelian
Kontrak Pembiayaan Al Bai' Bithaman Ajil.

Sukacitanya dimaklumkan iaitu permohonan tuan/puan bertarikh 'bagi kemudahan pembiayaan yang tersebut di atas telah diluluskan dengan syarat-syarat berikut ;

1. Jumlah pembiayaan ialah sebanyak **RM**..... (Ringgit Malaysia :) sahaja, iaitu terdiri dari harga belian **RM**..... ditambah keuntungan **RM**Tempoh ansuran harga tangguh' ialah..... Bulan @ **RM**..... sebulan.
2. Tuan/puan dikehendaki mengemukakan dua orang penjamin yang layak dan boleh diterima oleh Koperasi.
3. Tuan/puan dikehendaki mengambil pelan perlindungan takaful kredit senilai dengan 'harga belian' ditambah keuntungan sebanyak %
4. Tuan layak menerima 'ibra' (untuk baki harga tangguh yang tidak kurang dari setahun kiraan genap), jika menjejaskan 'harga tangguh' lebih awal dan tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.
5. Menyempurnakan PERJANJIAN JUAL BELI terlebih dahulu.

Sila sempurnakan pengakuan dibawah dan dikembalikan sesalinan tawaran ini kepada kami segera.

Terima kasih

Yang Benar

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad

.....
Pengerusi



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

PERJANJIAN JUAL BELI

1. Perjanjian ini dibuat pada hari iniantara Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad yang beralamat di No. 12A, Jalan TTDI Grove 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang, Selangor (kemudian disebut "Pihak Pertama ") dengan yang bertugas di No. kad pengenalan (kemudian disebut 'Pihak Kedua').
2. BAHAWA 'Pihak Pertama' bersetuju menjual dan 'Pihak Kedua' bersetuju membeli (kemudian di sebut "Barang/Perkhidmatan Jualan") dengan harga tangguh berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui.
3. BAHAWA harga tangguh 'Barang/Perkhidmatan Jualan' ialah RM..... (Ringgit Malaysia:.....)
4. BAHAWA dengan ini 'Pihak Pertama' melafazkan 'aqad jual' seperti berikut : Saya Wakil bagi pihak "Pihak Pertama" menjual Barang /Perkhidmatan Jualan' tersebut kepada "Pihak Kedua" dengan harga tangguh RM berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui.
5. BAHAWA dengan ini 'Pihak kedua' melafazkan 'aqad beli' seperti berikut : Saya membeli 'Barang /Perkhidmatan Jualan' tersebut dengan harga tangguh RM Dari "Pihak Pertama" berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui.
6. BAHAWA saya bersetuju membayar harga tangguh "Barang/Perkhidmatan Jualan" tersebut di atas, secara bayaran ansuran sebanyak RM sebulan selama bulan, bermula bulan sehingga selesai pada bulan20.....
7. BAHAWA saya bersetuju:
 - a) membenarkan majikan saya memotong gaji bulanan saya sebanyak RM (Ringgit Malaysia :) sebulan selama Bulan kepada 'Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad' sebagai bayaran ansuran tersebut sehingga selesai.
 - b) membenarkan baki dalam saham dan simpanan saya diambil untuk menjelaskan mana-mana ansuran tersebut atau menjelaskan jumlah baki harga tangguh sekiranya saya gagal menjelaskannya.
 - c) mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan berhubung dengan pembiayaan yang diperolehi daripada Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad.
8. BAHAWA saya bersetuju jika saya telah keluar daripada menjadi Anggota Koperasi maka segala hutang dan ansuran yang terhutang pada tarikh saya berhenti menjadi anggota hendaklah dijelaskan sepenuhnya termasuk kos ta'widh dan urusan peguam jika sekiranya ada. Jika sekiranya saya gagal menyelesaikan hutang tersebut didalam tempuh yang ditetapkan maka Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad berhak untuk menguatkuasa haknya sebagai penjual barang secara bertanggung berdasarkan undang-undang dan peraturan yang dibenarkan oleh Syariah. Segala kos tuntutan akan ditanggung oleh saya

8. BAHAWA saya bersetuju jika saya mungkir/gagal untuk membayar balik mana-mana ansuran pada tarikh yang ditetapkan oleh 'Pihak Pertama' atau apa-apa bayaran yang kena dibayar di dalam Perjanjian ini, saya dikehendaki membayar gantirugi (ta'widh) sepertimana di bawah:

(i) KADAR TA'WIDH SEBELUM TARIKH MATANG

Sebelum tarikh matang, kadar ta'widh yang dikenakan adalah 1% setahun ke atas jumlah bayaran tertunggak dikira secara harian.

(ii) KADAR TA'WIDH SELEPAS TARIKH MATANG

Selepas tarikh matang, 'Pihak Pertama' berhak mengenakan ta'widh ke atas keseluruhan jumlah prinsipal terhutang mengikut kadar Inter Islamic Money Market (IIMM) yang ditetapkan oleh 'Pihak Pertama' dari semasa ke semasa.

Tandatangan Saksi (Lelaki)

Nama Saksi

No. Kad Pengenalan

Tandatangan Saksi (Lelaki)

Nama Saksi

No. Kad Pengenalan

Tarikh

Tandatangan pembeli

No. Kad Pengenalan

Tarikh

Tandatangan Koperasi.....

Nama

Tarikh

PENGAKUAN PENJAMIN-PENJAMIN

1. BAHAWA kami yang menjadi penjamin-penjamin kepada "Pihak Kedua" iaitu Sipembeli kepada Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad yang bertandatangan di bawah ini masing-masing dan berse sama mengaku dan bersetuju bahawa jika Sipembeli ini gagal membayar kembali ansuran yang tersebut atau baki harga tangguh, maka ansuran/baki tertangguh tersebut adalah menjadi ansuran/baki harga tangguh kami. Kami akan menjelaskan ansuran/baki harga tangguh Sipembeli tersebut kepada Koperasi Kakitangan Bank Pertanian Malaysia Berhad.
2. BAHAWA kami tidak akan berhenti dari menjadi anggota Koperasi ini sehingga ansuran Sipembeli selesai dijelaskan.
3. BAHAWA kami bersetuju tidak akan mengeluarkan sahan sehingga ansuran Sipembeli selesai dijelaskan.
4. BAHAWA kami bersetuju sekiranya kami gagal menjelaskan ansuran/baki harga tangguh si pembeli, maka Koperasi Kakitangan Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad boleh bertindak untuk mendapat balik ansuran/baki harga tangguh tersebut dengan mengambil baki saham atau simpanan kami di dalam Koperasi ini sejumlah ansuran/baki harga tangguh atau setakat yang ada, ATAU kami membenarkan pihak majikan membuat penambahan potongan gaji untuk menjelaskan ansuran/baki harga tangguh Si pembeli sehingga selesai.

PENJAMIN 1

Nama Penuh : No. Kad Pengenalan :

Jabatan/Bahagian/Cawangan:

No. Anggota :

Tarikh : Tandatangan :

Dihadapan saksi ;

Tandatangan :

Nama Penuh : No. Kad Pengenalan :

PENJAMIN 2

Nama Penuh : No. Kad Pengenalan :

Jabatan/Bahagian/Cawangan:

No. Anggota :

Tarikh : Tandatangan :

Dihadapan saksi ;

Tandatangan :

Nama Penuh : No. Kad Pengenalan :

Nama :
No. Anggota :
Jabatan/Bahagian/Cawangan :
Tarikh :

Kepada

Pengerusi Pembiayaan
Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad
No. 12A, Jalan TTDI Grove 1/2,
Taman TTDI,
43000 Kajang,
Selangor.

Tuan/Puan ,

Akuan Penerimaan/Penolakan Tawaran Pembiayaan

Saya No. anggota
bersetuju menerima/menolak tawaran pembiayaan dengan syarat-syarat yang ditetapkan
oleh pihak Koperasi seperti tersebut di atas.

Saya juga bersetuju untuk meningkatkan kadar Yuran mengikut kadar pembiayaan
yang ditetapkan oleh pihak Koperasi dari RM..... Kepada RM.....

Yang benar,

.....
(No. KP :.....)

Nama :
No. Anggota :
Jabatan/Bahagian/Cawangan :
Tarikh :

Kepada

Pengerusi Pembiayaan
Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad
No. 12A, Jalan TTDI Grove 1/2,
Taman TTDI,
43000 Kajang,
Selangor.

Tuan/Puan ,

SURAT KEBENARAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Saya dengan ini bersetuju untuk membenarkan Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad menggunakan yuran /saham saya bagi menjelaskan baki keseluruhan pembiayaan saya, sekiranya saya berhenti / tidak berkhidmat di AgroBank. Seperti dinyatakan dibawah:-

Jenis Pembiayaan : Pembiayaan Bai Al'Inah / Khas
Nilai Pembiayaan : RM
Jenis Pembiayaan : Pembiayaan Al - Bai' Bithaman Ajil
Nilai Pembiayaan : RM

Sebagai tanda persetujuan, saya menurunkan tandatangan dibawah.

Yang benar,

.....
(No. KP :.....)

NO AKAUN:

ASAL

NO SIJIL:



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KOBPM) BERHAD (4981)

No 12, JALAN TTDI GROVE ½, TAMAN TTDI GROVE,

43000 KAJANG, SELANGOR.

Tel: +603-8733 1940/2705 Fax: +603-87330427

Email: admin@koopbpm.com.my


SIJIL PELABURAN TABUNG PEMBANGUNAN DAN PELABURAN KOPERASI

DITERIMA DARIPADA:

BILANGAN SAHAM (UNIT)	NILAI PELABURAN (RM)	NISBAH PERKONGSIAN UNTUNG KoBPM : ANGGOTA	TARIKH KUATKUASA PELABURAN

.....
PENGERUSI / AHLI JAWATANKUASA
TPPK

*Koperasi Bank Pertanian Malaysia
(KoBPM) Berhad*



.....
BENDAHARI / SETIAUSAHA

*Koperasi Bank Pertanian Malaysia
(KoBPM) Berhad*

NO AKAUN:

SALINAN

NO SIJIL:



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KOBPM) BERHAD (4981)

No 12, JALAN TTDI GROVE ½, TAMAN TTDI GROVE,

43000 KAJANG, SELANGOR.

Tel: +603-8733 1940/2705 Fax: +603-87330427

Email: admin@koopbpm.com.my


SIJIL PELABURAN TABUNG PEMBANGUNAN DAN PELABURAN KOPERASI

DITERIMA DARIPADA:

BILANGAN SAHAM (UNIT)	NILAI PELABURAN (RM)	NISBAH PERKONGSIAN UNTUNG KoBPM : ANGGOTA	TARIKH KUATKUASA PELABURAN

.....
PENGERUSI / AHLI JAWATANKUASA
TPPK

*Koperasi Bank Pertanian Malaysia
(KoBPM) Berhad*



.....
BENDAHARI / SETIAUSAHA

*Koperasi Bank Pertanian Malaysia
(KoBPM) Berhad*

